

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	1 APRIL 2016

Industri halal negara berpotensi besar diglobalkan – Najib

KUALA LUMPUR 31 Mac - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, Pameran Halal Antarabangsa Malaysia (MIHAS) 2016 dapat membantu meluaskan capaian pengusaha dan industri halal tempatan ke peringkat yang lebih tinggi di persada antarabangsa.

Perdana Menteri berkata, daripada tinjauan yang dijalankan semasa mengadakan lawatan ke MIHAS hari ini, beliau mendapati

banyak produk halal tempatan mempunyai potensi besar untuk diketengahkan, bukan sahaja untuk pasaran halal antarabangsa malah kepada semua pengguna secara amnya.

Katanya, industri halal adalah sebuah industri yang penting untuk ekonomi negara dan kini sedang pesat membangun dan setakat tahun 2015, eksport halal Malaysia adalah berjumlah RM39 bilion dan

diunjurkan terus berkembang dari setahun ke setahun.

“Saya tidak sempat menghadiri upacara pembukaan MIHAS 2016 akibat kesibukan tugas, tetapi industri halal mempunyai tempat yang dekat di hati saya.

“Hari ini, saya singgah sebentar di MIHAS 2016 untuk melawat dan menunjukkan sokongan serta penghargaan kepada semua pengusaha dan pemain industri halal

yang mewakili sektor penting dalam ekonomi,” katanya dalam status yang dimuat naik di dalam laman sosial Facebook miliknya.

MIHAS 2016 disertai lebih 500 syarikat tempatan dan antarabangsa dengan 643 gerai pameran membabitkan penyertaan 29 negara asing.

Pameran berkenaan dijangka menarik lebih 25,000 pengunjung dari serata dunia.

Um - 11/4/2016